APPENDIX 1 - LLN FINANCIAL INSTRUCTION NO. 17(S)

LEMBAGA LETRIK NEGARA TANAH MELAYU

PANDUAN KEWANGAN BIL. 17(S)
(DIULANGKAJI PADA BULAN OGOS 1971)

PENGULANGKAJIAN KETLOG STOR

Mulai daripada 1hb September 1971, sistem penomboran Ketlog Stor yang ada sekarang akan digantikan oleh satu sistem penomboran yang baru yang terdiri daripada sembilan angka bagi membentuk 'struktur koda' sebagaimana yang ditunjukkan dalam Lampiran 'A'.

2. Untok mengekalkan nombor2 siri pengenalan bagi alatubah, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Pegawai Membeli dan Kontrek semasa ia dibeli, nombor2 ketlog baru bagi alatubah2 akan di-isikan dengan nombor sifar, disebelah kiri nombor pengenalan itu untuk membentuk nombor ketlog stor sembilan angka. Misalnya, alatubah yang mempunyai nombor siri 9219 akan diketlogkan sebagai 000009219.

KETLOG STOR

3. Satu Ketlog Stor yang diulangkaji yang menunjukkan nombor ketlog baru, penerangan rengkas, koda yunit, koda ketlog, nombor ketlog lama dan nombor rujukan muka surat ketlog lama telah dichitak dan sedang diedarkan kepada stesen/jabatan. Senarai 'Koda2 Ketlog' yang digunakan dapat dilihat dalam Lampiran 'B'.

4. Keluaran selanjutnya bagi Ketlog Stor yang memasukkan harga tiap2 perkara barang2, jika dapat diperolehi, akan dichitak dan salinan2 yang menchukupi akan diedarkan kepada stesen2/jabatan2 dengan sechepat mungkin selepas 31hb Ogos 1971. Harga2 yang dichatitkan adalah harga piawai bagi tiap2 perkara barang2 dan harga ini hendaklah digunakan untuk menganggarkan Kos Kerja2 dan bagi Jualan Barang2 Stor.

NOMBOR KETLOG BARU

5. Pegawai Membeli dan Kontrek adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan nombor2 ketlog bagi perkara2 baru dan membenarkan pindaan2 terhadap Ketlog Stor.

6. Mana-mana perkara barang yang tidak disenaraikan didalam Ketlog Stor yang disebutkan diperenggan 4 hendaklah dianggapkan sebagai perkara stok baru. Nombor ketlog baru mestilah diperuntukkan bagi perkara2 itu, tidak kira samada nombor ketlog lama telah ada bagi perkara itu.

7. Apabila perkara2 yang tidak disenaraikan didalam Ketlog Stor dibeli oleh Stesen2/Jabatan2, maka perlulah diminta nombor2 ketlognya daripada Pegawai Membeli dan Kontrek didalam Borang LLN. 206. Walaupun demikian, haruslah dipastikan bahwa nombor2 ketlog diminta hanya untuk perkara2 yang mungkin berulang kali diminta sahaja. Jikalau tidak, belian2 hendaklah dihadkan bagi keperluan2 segera sahaja dan dianggapkan sebagai keluaran terus.

[illegible]

MAKLUMAT2 YANG AKAN DIBERI OLEH JABATAN MEMBELI

8. Bagi maksud mengemaskini Fail Induk Ketlog Stor yang disimpan oleh Komputa, Pegawai Membeli dan Kontrek adalah diperlukan memberi maklumat2 berikut kepada Jabatan Akaun:

(a) Nombor2 ketlog baru yang diberi

(b) Perubahan2 terhadap koda2 ketlog, penerangan rengkas dan nombor rujukan muka surat ketlog induk

(c) Hapusan perkara2 stok luarguna

(d) Perubahan2 terhadap koda2 yunit keluaran dan harga2 piawai.

9. Perkara (a), (b) dan (c) mestilah diberitahu dalam Borang LLN. Kew. 302/22 "Membuat/Perubahan terhadap/Hapusan/Rekod Induk Ketlog" dan perkara (d) didalam Borang LLN. Kew. 302/20 "Perubahan kepada yunit koda keluaran/Harga seyunit".

PENUKARAN MENGIKUT SISTEM BARU

10. Bagi maksud2 penukaran mengikut sistem baru, semua stesen/jabatan kechuali Stor Pusat telah dibekalkan dengan senarai2 perkara2 stok yang disimpan distor masing2 menunjukkan nombor ketlog yang ada sekarang ini, nombor ketlog baru dan maklumat2 lain yang berkenaan sebagaimana yang terkandung didalam surat saya CHA.1/5/11 Bhg.4/200 bertarikh 14hb Disember 1970. Penggunaan Borang2 yang disematkan padanya sebagaimana Lampiran 'B' dan 'C' hendaklah dihentikan mulai daripada 1hb September 1971.

11. Senarai2 sama yang mengandungi perkara2 stok yang tersimpan distor-stor berkenaan setakat 31hb Julai 1971 yang dimasukkan dengan apa-apa pindaan yang telah diberitahu berhubung dengan koda2 pesan semula, stok minima dsb., akan dibekalkan kepada stesen2 berkenaan pada akhir bulan Ogos 1971.

12. Kad2 rekod stor yang ada sekarang hendaklah diperiksa dengan senarai yang diberi bagi memastikan bahwa segala perkara stor mempunyai nombor ketlog baru. Jika mana2 perkara stor, yang ada baki stoknya, didapati belum dinombor semula, Ketua Akauntan hendaklah diberitahu dengan surat menyatakan nombor ketlog lama, penerangan penuh mengenai perkara itu, koda yunit dan baki stok setakat 31hb Ogos 1971.

13. Peraturan penukaran untuk Stor Pusat akan diuruskan sechara berasingan.

14. Perkiraan2 hendaklah juga dibuat untuk menyusun semula barang2 distor mengikut susunan nombor ketlog baru. Memandangkan banyaknya kerja yang terlibat didalam menguruskan ini, kerja ini boleh dijalankan sechara berperingkat-peringkat, misalnya dalam masa sebulan.

[illegible]

PERALIHAN MENGIKUT SISTEM BARU

15. Sesudah selesai menchatit dokumen2 setakat dan termasuk 31hb Ogos 1971 semua stesen/jabatan hendaklah menyusun semula kad rekod stor masing-masing mengikut susunan nombor ketlog baru.

16. Nombor2 ketlog baru mestilah digunakan bagi semua dokumen2 stor dan dokumen2 belian mulai daripada 1hb September 1971.

17. Panduan Kewangan Bil. 17 (S) bertarikh 13hb Mei 1965 adalah dengan ini dibatalkan.

Dikembarkan:
Kuala Lumpur
3hb Ogos 1971

(Chan Kai Foo)
Pengawal Kewangan,
Lembaga Letrik Negara.

# SUPPLY FUNCTION

## STORES CATALOGUE - NEW CODING STRUCTURE

| | CATALOGUE NUMBERS | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | FROM | | | | TO | | | | |
| | SECTION | CLASSI-FICATION | GROUP | ITEM | SECTION | CLASSI-FICATION | GROUP | ITEM | |
| **ELECTRICAL FITTINGS AND EQUIPMENT** | | | | | | | | | |
| Current Transformers | 0 | 1 | 000 | 001 | 0 | 1 | 999 | 999 | |
| Dist. Boards, F.P. Sheels, Kiosks | 0 | 2 | 000 | 001 | 0 | 2 | 999 | 999 | |
| Switchgears and R.M. Units | 0 | 3 | 000 | 001 | 0 | 3 | 999 | 999 | |
| Lanterns, Lamps, Control Gear & Motors | 0 | 4 | 000 | 001 | 0 | 4 | 999 | 999 | |
| L/Arrestors, Isolators, Switches, Etc. | 0 | 5 | 000 | 001 | 0 | 5 | 999 | 999 | |
| Fuses and Elements | 0 | 6 | 000 | 001 | 0 | 6 | 999 | 999 | |
| **CABLE WIRE & INSULATION MATERIALS** | | | | | | | | | |
| U/Ground Cables & Accessories | 1 | 0 | 000 | 001 | 1 | 0 | 999 | 999 | |
| Insulated Cables | 1 | 1 | 000 | 001 | 1 | 1 | 999 | 999 | |
| Conductor Bare | 1 | 2 | 000 | 001 | 1 | 2 | 999 | 999 | |
| Insulating Materials | 1 | 3 | 000 | 001 | 1 | 3 | 999 | 999 | |
| Wires, Stay, Copper Etc. | 1 | 4 | 000 | 001 | 1 | 4 | 999 | 999 | |
| **OTHER MATERIALS** | | | | | | | | | |
| Construction Materials | 2 | 0 | 000 | 001 | 2 | 0 | 999 | 999 | |
| Consumable Stores | 2 | 1 | 000 | 001 | 2 | 1 | 999 | 999 | Group 082 for Fuel O |
| Raw Materials | 2 | 2 | 000 | 001 | 2 | 2 | 999 | 999 | |
| Fixing Parts | 2 | 3 | 000 | 001 | 2 | 3 | 999 | 999 | |
| Meters | 2 | 4 | 000 | 001 | 2 | 4 | 999 | 999 | |
| Tools Measuring Instruments | 2 | 5 | 000 | 001 | 2 | 5 | 999 | 999 | |
| Materials For Special Projects | 2 | 6 | 000 | 001 | 2 | 6 | 999 | 999 | |
| Scrap Second Hand Items Etc. | 2 | 7 | 000 | 001 | 2 | 7 | 999 | 999 | |
| Stationery | 2 | 8 | 000 | 001 | 2 | 8 | 999 | 999 | |
| Miscellaneous Items | 2 | 9 | 000 | 001 | 2 | 9 | 999 | 999 | |
| **ELECTRICAL & MECHANICAL SPARES** | | | | | | | | | |
| Electrical Apparatus Spares | 3 | 0 | 000 | 001 | 3 | 0 | 999 | 999 | |
| Meter Spares | 3 | 1 | 000 | 001 | 3 | 1 | 999 | 999 | |
| Switchgear Spares | 3 | 2 | 000 | 001 | 3 | 2 | 999 | 999 | |
| Transformer Spares | 3 | 3 | 000 | 001 | 3 | 3 | 999 | 999 | |
| Condenser Spares | 3 | 4 | 000 | 001 | 3 | 4 | 999 | 999 | |
| Lawn Mowers - Hydraulic Jacks Etc. | 3 | 9 | 000 | 001 | 3 | 9 | 999 | 999 | |
| **UNIDENTIFIED ITEMS** | 4 | 0 | 000 | 001 | 4 | 0 | 999 | 999 | General Stores Ite |
| **DIESEL ENGINE SPARES** | 5 | 00 | 00 | 001 | 5 | 99 | 99 | 999 | Classification 55 f Obsolete Diesel Engine Spares |

**NOTE:** The Ninth Digit which is the Check Digit is not included in the above Coding Structure.



## SUPPLY FUNCTION

## STORES CATALOGUE - NEW CODING STRUCTURE

| | CATALOGUE NUMBERS | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | FROM | | | | | | TO | | | | | |
| | TYPE OF P. STATION | NAME OF P. STATION | TYPE OF GENERATING SET | MAIN SECTION | SUB-SECTION | ITEM NUMBER | TYPE OF P. STATION | NAME OF P. STATION | TYPE OF GENERATING SET | MAIN | SUB- | [illegible] |
| **THERMAL STATIONS** | | | | | | | | | | | | |
| Connaught Bridge | 6 | 0 | 1 | 0 | 00 | 01 | 6 | 0 | 9 | 9 | 99 | 9 |
| Sultan Ismail | 6 | 1 | 1 | 0 | 00 | 01 | 6 | 1 | 9 | 9 | 99 | 9 |
| Malacca | 6 | 2 | 1 | 0 | 00 | 01 | 6 | 2 | 9 | 9 | 99 | 9 |
| Prai | 6 | 3 | 1 | 0 | 00 | 01 | 6 | 3 | 9 | 9 | 99 | 9 |
| Port Dickson | 6 | 4 | 1 | 0 | 00 | 01 | 6 | 4 | 9 | 9 | 99 | 9 |
| Lemal | 6 | 5 | 1 | 0 | 00 | 01 | 6 | 5 | 9 | 9 | 99 | 9 |
| SSAA, Kapar | 6 | 8 | 1 | 0 | 00 | 01 | 6 | 8 | 9 | 9 | 99 | 9 |
| **HYDRO STATIONS** | | | | | | | | | | | | |
| Sultan Yusoff | 8 | 0 | | 0 | 00 | 001 | 8 | 0 | | 9 | 99 | 99 |
| Robinson Falls | 8 | 1 | | 0 | 00 | 001 | 8 | 1 | | 9 | 99 | 99 |
| Habu | 8 | 2 | | 0 | 00 | 001 | 8 | 2 | | 9 | 99 | 99 |
| Kuala Terla | 8 | 3 | | 0 | 00 | 001 | 8 | 3 | | 9 | 99 | 99 |
| Kampong Raja | 8 | 4 | | 0 | 00 | 001 | 8 | 4 | | 9 | 99 | 99 |
| Odak | 8 | 5 | | 0 | 00 | 001 | 8 | 5 | | 9 | 99 | 99 |
| Sultan Idris (2) | 8 | 6 | | 0 | 00 | 001 | 8 | 6 | | 9 | 99 | 99 |
| Siapam Hydro | 8 | 7 | | 0 | 00 | 001 | 8 | 7 | | 9 | 99 | 99 |
| Ulu Langat | 8 | 8 | | 0 | 00 | 001 | 8 | 8 | | 9 | 99 | 99 |

**Note:**

The ninth digit which is the check digit is not included in the above Coding Structure.